

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

07 JOM SERTAI KEM SAINS CUTI SEKOLAH

MAR

poster A3

PULAU PINANG, 7 Mac 2016 - Unit Penyelidikan Pendidikan Asas, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) Universiti Sains Malaysia (USM) akan menganjurkan Kem Sains Cuti Sekolah 'Science In Motion (Sim 1.0) pada 14 hingga 18 Mac 2016 di Makmal Sains, PPIP USM, Pulau Pinang.

Program ini bertujuan memupuk minat peserta terhadap sains di samping mengasah kemahiran proses sains menerusi aktiviti secara 'hands-on' dan informal.

Kem ini dibahagikan kepada tiga siri mengikut tarikh yang ditetapkan. Kumpulan sasaran bagi program ini adalah kanak-kanak yang berumur 7-9 tahun dan 10-12 tahun dengan bayaran RM50.00 seorang.

Siri 1 bertemakan "Eureka" bertujuan membolehkan pelajar menemui dan mempelajari konsep sains di samping merekabentuk produk baru dalam sains akan diadakan pada hari Isnin, 14 Mac 2016.

Siri 2, Magika Ria Sains pula akan diadakan pada 16 Mac 2016 dan peserta dikehendaki untuk melengkapkan projek yang merungkai misteri sains di samping menikmati cara pembelajaran dalam bentuk muzikal.

Siri akhir iaitu Siri 3 pada 18 Mac 2016 (Jumaat) dinamakan 'Dapur Sains' iaitu peserta diminta untuk menjalankan eksperimen sains secara 'hands-on' dengan menggunakan barang-barang yang boleh didapati di dapur rumah. Peserta dibenarkan membawa pulang hasil reka bentuk dan eksperimen.

Bagi yang berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti ini, borang pendaftaran boleh dimuat turun melalui laman sesawang: uppa.usm.my atau hubungi:

Profesor Madya Dr. Mohd. Ali Samsudin

Emel: alisamsudin@usm.my (<mailto:alisamsudin@usm.my>)

atau:

URUSETIA PROGRAM KEM SAINS CUTI SEKOLAH

TEL: 04-6533446/ 04-6533187

F: 04-6551460

E: [nuralya99@yahoo.com \(mailto:nuralya99@yahoo.com\)](mailto:nuralya99@yahoo.com)

Teks: Nur Qutreen Nada Mahamud (Pelajar Internship)



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015